

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian

TARIKH : Khamis, 25 Januari 2018

M/S : 12

## NASIONAL

KHAMIS 25 JANUARI 2018 • SINAR HARIAN

### Perpustakaan masih relevan, terus berkembang pesat

KUALA LUMPUR - Peranan perpustakaan di Malaysia masih relevan dan terus berkembang pesat walaupun menghadapi cabaran maklumat digital dan media sosial.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Datuk Nafisah Ahmad berkata, setakat ini terdapat 13,719 perpustakaan di seluruh negara, terdiri daripada 10,180 pusat sumber sekolah, 1,111 perpustakaan luar bandar, 950 perpustakaan khas, 452 perpustakaan akademik, 336 perpustakaan awam negeri, 286 pusat sumber Kemas, 243 Medan Info Desa, 98 pusat sumber sekolah anta-

rabangsa, 58 Maktab Sains Mara dan empat perpustakaan komuniti.

Menurutnya, kemajuan itu menunjukkan fungsi perpustakaan masih relevan jika ia boleh melaksanakan transformasi bagi menuhi keperluan maklumat masyarakat.

"PNM juga dalam proses memperluas pembangunan Perpustakaan 'Ubiquitous' atau dikenali sebagai u-Pustaka sebagai hab maklumat nasional bagi mewujudkan pengetahuan melalui penggunaan perkhidmatan perpustakaan dalam masyarakat," katanya dalam ucapan pembukaan pada Presidential Talk Libraries: Motors of Change di Auditorium Tun Mohamed

Suffian, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya di sini, semalam.